



12 April 2016  
12 April 2016  
P.U. (A) 92

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) (PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) 2016

### *LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE) (REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY) ORDER 2016*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN)  
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [*Akta 96*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Peremitan Cukai dan Duti Setem) 2016**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 13 April 2016.

**Peremitan cukai**

2. Apa-apa cukai yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] oleh mana-mana individu atau entiti yang berikut berkenaan dengan apa-apa wang yang kena dibayar di bawah apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan produk, kemudahan, program dan jaminan yang disebut dalam perenggan 4 hendaklah diremitkan sepenuhnya:

(a) DanaInfra Nasional Berhad yang baginya Akta terpakai menurut kuasa di bawah Perintah Jaminan Pinjaman (Penetapan Pertubuhan Perbadanan) (DanaInfra Nasional Berhad) 2012 [*P.U. (A) 176/2012*];

(b) mana-mana pemegang Nota Jangka Sederhana Islam dan Kertas Komersial Islamik; atau

(c) mana-mana pihak lain kepada apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan Program Nota Jangka Sederhana Islam dan Kertas Komersial Islamik, yang disebut "Program IMTN dan ICP" dalam Perintah ini, atau jaminan yang diberikan atau akan diberikan oleh

Kerajaan Malaysia, termasuklah mana-mana pihak yang kepadanya perjanjian, nota, surat cara dan dokumen itu dipindahkan atau diserahkan.

### **Peremitan duti setem**

3. Apa-apa duti setem yang kena dibayar di bawah Akta Setem 1949 [*Akta 378*] berkenaan dengan apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan produk, kemudahan, program dan jaminan yang disebut dalam perenggan 4 hendaklah diremitkan sepenuhnya.

### **Pemakaian**

4. Perintah ini hendaklah terpakai bagi—

(a) Nota Jangka Sederhana Islam dan Kertas Komersial Islamik yang diterbitkan oleh DanaInfra Nasional Berhad menurut Program IMTN dan ICP dengan nilai nominal sehingga dua puluh lima bilion ringgit (RM25,000,000,000.00):

Dengan syarat bahawa, agregat bergabung nilai nominal belum berbayar Nota Jangka Sederhana Islam dan Kertas Komersial Islamik dan amaun prinsipal belum berbayar di bawah Pembiayaan Pinjaman Bersindiket *Revolving Credit* Islam, yang disebut “Pembiayaan SFF-i” dalam Perintah ini, hendaklah tidak melebihi dua puluh lima bilion ringgit (RM25,000,000,000.00);

(b) Pembiayaan SFF-i dengan amaun agregat prinsipal belum berbayar tidak melebihi lapan bilion ringgit (RM8,000,000,000.00) tertakluk kepada agregat bergabung yang disebut dalam subperenggan (a);